

02 FEBRUARI 2018

AADK tahan sepasang kekasih positif syabu

AADK tahan sepasang kekasih positif syabu

SEBERANG PERAI – Sepasang kekasih yang menunggang sebuah motosikal antara lima individu yang ditahan kerana positif dadah ketika operasi dilakukan di laluan motosikal Plaza Tol Sungai Dua, Lebuh Raya Utara-Selatan arah selatan dekat Butterworth di sini semalam.

Dalam operasi selama tiga jam bermula pukul 9 pagi itu, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) daerah Seberang Perai Utara telah memeriksa 20 penunggang dan pembonceng motosikal.

Jurucakapnya berkata, lima yang ditahan dalam operasi bersama Jabatan Siasatan dan Penguatuasaan Trafik Bukit Aman itu berusia antara 19 hingga 33 tahun termasuk seorang wanita.

“Ujian saringan air kencing mendapati tiga daripada mereka positif dadah jenis methamphetamine (syabu) dan dua lagi dadah jenis THC.

“Pasangan kekasih tersebut iaitu seorang wanita berusia 33 tahun dan lelaki berumur 25 tahun positif methamphetamine,” katanya.

Difahamkan, ketika kejadian pasangan kekasih terbabit dalam perjalanan menuju ke tempat kerja di Seberang Jaya di sini.

Jurucakap itu memberitahu, kesemua mereka yang ditahan dihantar ke lokap AADK di Kampung Selamat, Tasek Gelugor di sini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagihan Dadah 1983.

Bagaimanapun, tiada sebarang dadah dirampas dalam operasi tersebut.